SOALAN NO. 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia akan menghantar pasukan peguam ke Amerika Syarikat sebagai pemerhati yang berkepentingan dalam isu saman perampasan aset yang dibeli dengan pengubahan duit 1MDB. Kalau tidak, kenapa.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia mengambil maklum bahawa pihak *Department of Justice (DOJ)* di Amerika Syarikat telah memulakan suatu tindakan sivil di mahkamah Amerika Syarikat dan sedang memantau perjalanan serta perkembangan kes sivil tersebut.

Kerajaan Malaysia juga mengambil maklum bahawa tindakan sivil tersebut kini berada dalam bidang kuasa mahkamah di Amerika Syarikat dan tiada sebarang pertuduhan jenayah yang telah dikenakan terhadap mana-mana individu setakat ini bagi sebarang kesalahan jenayah, serta tiada sebarang keputusan mahkamah dibuat mengenai perkara ini.

Kerajaan Malaysia sentiasa mendukung prinsip kedaulatan undang-undang (*rule of law*) serta menghormati kebebasan pihak DOJ di Amerika Syarikat untuk mengambil sebarang tindakan undang-undang yang difikirkan wajar.

Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara pada masa ini belum bercadang untuk menghantar pasukan peguam ke Amerika Syarikat sebagai pemerhati dalam prosiding sivil yang difailkan oleh pihak DOJ, di mahkamah Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.